

Pertandingan KAWAD KECEKAPAN

Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan 2008

# BULETIN

Bil. 1/2008 (14 Julai 2008)

Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia

*Selamat Datang ke*

**PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN**

**OPERASI KEBOMBAAN 2008**

**PERTANDINGAN**  
**KAWAD KECEKAPAN**  
**OPERASI KEBOMBAAN**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN 2008**

## SELAMAT DATANG DAN SALAM MUHIBAH

Mercu kegemilangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terserlah di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu. Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan (PKK) 2008 melakarkan sejarah penganjuran di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia buat kali yang ketiga sejak tahun 2006. Kali ini suasana PKK 2008 lebih dinamik, mendebarkan dan unggul kerana setiap kontinjen akan bersaing untuk merangkul kejuaraan berprestij jabatan – Juara PKK 2008. Sokongan dan kerjasama semua pihak yang terlibat di peringkat persediaan juga amat membanggakan kerana setiap persediaan acara dibuat dengan rapi dan teratur. Suasana pertandingan yang selesa dan selamat juga akan mendorong para anggota kontinjen memberikan persembahan dan persaingan positif dan terbaik demi memartabatkan jabatan ke peringkat yang lebih tinggi.

Suasana meriah, riang dan dipenuhi semangat yang berkobar-kobar pasti tertanam di hati sanubari setiap anggota kontinjen yang terlibat dan para pengadil pertandingan kerana berbagai-bagai pengalaman dan pengajaran yang dipelajari pada masa pertandingan yang lepas. Keazaman begitu teguh dan kukuh untuk memperbaiki pencapaian dan prestasi begitu jelas di kalangan kontinjen-kontinjen yang bersaing. Apa yang pasti fokus minda, komitmen dan pengorbanan yang besar semua anggota yang terlibat dalam PKK 2008 semakin mantap dan membanggakan jabatan.

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai sebagai lokasi pertandingan sudah tentu mempunyai persekitaran dan kemudahan yang cukup optima untuk semua peserta pertandingan.

Namun demikian apa pun kekangan yang kita hadapi, fokus terhadap intipati pertandingan sama ada secara tersurat atau tersirat harus diberikan keutamaan yang tertinggi agar matlamat dan objektif sebenar PKK 2008 dapat direalisasikan demi mempertingkatkan imej dan keunggulan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kita juga perlu melihat PKK 2008 sebagai manifestasi pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sebenar yang telah diamanahkan oleh jabatan kepada setiap individu yang menjadi warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia selaku tuan rumah PKK 2008 amat berterima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi jabatan kerana kepercayaan dan penghormatan yang telah diberikan. Seluruh warga Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia mengucapkan selamat datang, salam muhibah dan salam perjuangan kepada semua anggota kontinjen dan para pengadil PKK 2008. Komitmen dan penyertaan semua pihak sudah pasti akan mencipta lembaran baru dan persembahan terbaik yang pernah dilakarkan dalam sejarah Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



## PROSEDUR PENGENDALIAN

### PENGURUSAN KENDERAAN SEMASA PKK 2008



Prosedur ini disediakan bertujuan untuk memberikan satu mekanisma yang lebih cekap dalam bentuk pengurusan pergerakan kenderaan serta tempat-tempat penyimpanan (parking) yang lebih tersusun sebelum, semasa dan selepas Pertandingan Kawad Kecekapan 2008. Ianya juga bertujuan mengawal kenderaan dari segi keselamatan dan penggunaan kenderaan secara bebas. Berikut adalah penerangan mengenai perkara-perkara yang perlu dipatuhi sepanjang Pertandingan Kawad Kecekapan berlangsung.

Semua peserta **tidak dibenarkan** membawa **kenderaan persendirian** sepanjang Pertandingan Kawad Kecekapan dijalankan pada 13 Julai 2008 sehingga 18 Julai 2008. Selepas pemandu menurunkan peserta di tempat penginapan, semua kenderaan kontinjen negeri perlu diletakkan di tempat letak kenderaan yang telah ditetapkan seperti berikut :-

- **Kenderaan Utiliti** cth: Kembara, Pajero, Storm di petak letak kereta **Asrama 1, 2, 3 dan 4.**
- **Bas Hino** ( Panjang ) di tempat letak kereta Asrama 1, 2, 3 dan 4. ( bertentangan dengan tempat letak kereta kenderaan Utiliti )
- **Bas Coaster dan Lori Hicom** di dataran Auditorium berhampiran Surau FRAM.

Semua kunci kenderaan perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Keselamatan Dan Pengangkutan untuk disimpan dan dibuat pemantauan. Kunci akan diserahkan semula kepada pemandu kenderaan pada 17 Julai 2008. Setiap pergerakan kenderaan ke Kuala Terengganu atau di luar kawasan FRAM selepas acara harian berakhir perlu mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Pengangkutan.

Peserta-peserta dari Negeri Sabah dan Sarawak dan W.P Labuan yang memerlukan kenderaan bagi urusan kontinjen di luar FRAM Wakaf Tapai perlu merujuk kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Pengangkutan untuk mendapatkan kelulusan daripada YS Komandan terlebih dahulu.

Pejabat Urusetia Pengangkutan adalah di Pejabat Unit Kemudahan Urusan Jentera, Pusat Pengajian Kejuruteraan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai. Bengkel dan kemudahan pembaikan adalah bertempat di Garaj Asrama 4. *Ahli Jawatankuasa Pengangkutan akan berada di Pusat Pengajian Kejuruteraan.*

1. *Segala urusan dan maklumat mengenai pengangkutan akan dilakukan di Pusat Pengajian Kejuruteraan ( PPKJ )*
2. *Segala kunci kenderaan akan ditempatkan di Pusat Pengajian Kejuruteraan*
3. *Segala maklumat mengenai pemandu akan ditempatkan di bilik PPKJ.*

Sekiranya berlaku kemalangan ataupun kerosakan ke atas kenderaan semasa pemanduan ke FRAM Wakaf Tapai, pemandu boleh menghubungi Bengkel Kejuruteraan yang seperti senarai di bawah:-

1. Unit Bengkel Kejuruteraan FRAM Wakaf Tapai :  
Tel : 09-6803301/02/03 Ext. : 2029 Bahagian Pengurusan  
Ext. : 2030 Bahagian Pengurusan Pengangkutan
2. Bengkel Kejuruteraan Kuala Terengganu  
Tel : 09-6247353
3. Bengkel Kejuruteraan Kelantan  
Tel : 09-7484444
4. Bengkel Kejuruteraan Kuantan  
Tel : 05-735544





## Jawatankuasa Kecil MAKANAN DAN MINUMAN



Pertandingan Kawad Kecekapan merupakan salah satu program tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia. Pada tahun 2008 sekali lagi pihak pengurusan tertinggi JBPM telah memberi kepercayaan kepada Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai bagi menganjurkan acara yang berprestij ini. Ekoran dari itu, satu mesyuarat telah diadakan pada 2hb April 2008 bagi membentuk jawatankuasa-jawatankuasa untuk menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan semasa pertandingan tersebut dilaksanakan. Salah satu dari jawatankuasa yang dibentuk itu adalah **Jawatankuasa Kecil Makanan dan Minuman** yang dipengerusikan oleh PgB Ismail bin Idris.

Pada tarikh 13hb. Julai 2008, Kontinjen negeri melaporkan diri di perkarangan Asrama 2 dan 3, agihan bekalan **air minuman** sebanyak **34 kotak** dan **100 Plus** sebanyak **17 kotak** bagi setiap negeri. Sepanjang masa kejohanan berlangsung, sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam disediakan secara *buffet* di Dewan Makan Akademi mengikut kontinjen negeri, Wasit dan Pengadil. Semasa acara dijalankan, minum pagi dan petang bagi Wasit dan Pengadil yang terlibat dengan acara akan dihantar ke lokasi, manakala Wasit dan Pengadil yang tidak terlibat dengan acara, minum pagi dan petang disediakan di dewan makan. Manakala agihan minuman pagi dan petang untuk kontinjen akan disediakan di depan Astaka.

JADUAL LOKASI PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN

Bil	Tarikh	Kategori	Sarapan Pagi	Minum Pagi	Makan Tengahari	Minum Petang	Makan Malam
1	12/7/08	Pengadil	Dewan Makan				
2	13/7/08	Wasit, Pengadil Kontinjen, JK Induk, JK Pengangkutan Luar	Masa Lapor Diri		Dewan Makan		
3	14/7/08	Wasit & Pengadil Kawad Kaki & -10 orang	Dewan Makan	Bilik Astaka	Dewan Makan	Bilik Astaka	Dewan Makan
		Wasit & Pengadil tidak terlibat dengan acara, JK Pengangkutan Luar & JJK Induk	Dewan Makan				
		Kontinjen	Dewan Makan	Depan Astaka	Dewan Makan	Depan Astaka	Dewan Makan
4	15-16/7/08	Wasit & Pengadil Semua acara	Dewan Makan	Lokasi Pertandingan	Dewan Makan	Lokasi Pertandingan	Dewan Makan
		Wasit & Pengadil tidak terlibat dengan acara, JK Pengangkutan Luar & JJK Induk	Dewan Makan				
		Kontinjen	Dewan Makan	Depan Astaka	Dewan Makan	Depan Astaka	Dewan Makan
5	17-18/7/08	Wasit & Pengadil Acara FFC	Dewan Makan	Bilik Astaka & Lokasi Acara	Dewan Makan	Bilik Astaka & Lokasi Acara	Dewan Makan
		Wasit & Pengadil tidak terlibat dengan acara, JK Pengangkutan Luar & JJK Induk	Dewan Makan				
		Kontinjen	Dewan Makan	Depan Astaka	Dewan Makan	Depan Astaka	Dewan Makan





## Imbasan Kejayaan PKK

PKK 2007 yang lalu telah melakarkan pelbagai kenangan yang pahit dan manis serta kejayaan yang membanggakan setiap anggota kontinjen yang bertanding, para pengadil serta wasit dan para petugas pertandingan. Apa yang jelas semua pihak telah memberikan kerjasama, komitmen yang tinggi dan sumbangan yang berharga dan membanggakan pihak pengurusan tertinggi Jabatan.

Pertabalan juara baru FFC iaitu Kontinjen Sabah serta johan bersama Kontinjen Sarawak dan Kontinjen Selangor diikuti Naib Johan Kontinjen W.P. Kuala Lumpur dan tempat ketiga Kontinjen Johor telah membuktikan keupayaan, kemahiran, disiplin dan tahap profesionalisma semakin tinggi dan akan terus meningkat di kalangan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di seluruh negara.

